



## JPS ramal banjir di Kuantan, Rompin

Februari 6, 2023 @ 1:52pm



Gambar hiasan

KUANTAN: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengeluarkan amaran banjir di daerah Kuantan dan Rompin, yang diramal boleh berlaku hari ini jika hujan yang signifikan terus berlaku di Pahang.

Bagi Kuantan, lokasi dijangka banjir membabitkan lembangan Sungai Kuantan iaitu Kampung Batu 6, Kampung Sungai Caru, Kampung Panching, Kampung Pasir Kemudi dan kawasan sekitar.

Di Rompin pula, kawasan diramal banjir ialah Kampung Perwira Jaya, Felda Selancar dan kawasan sekitarnya yang melibatkan lembangan Sungai Rompin.

"Banjir dijangka bermula pada 12.30 tengah hari 6 Februari. Banjir yang diramalkan boleh berlaku lebih awal atau lewat dari masa yang dijangkakan," menurut JPS menerusi kenyataan hari ini.

JPS menyatakan amaran itu dikeluarkan bagi membolehkan penduduk terutama di kawasan yang dijangka banjir berwaspada dan mematuhi arahan pihak berkuasa atau agensi pengurusan bencana banjir.

Orang ramai juga boleh melayari laman web <https://publicinfobanjir.water.gov.my>, Facebook @PublicInfoBanjir dan Twitter @JPS\_InfoBanjir untuk maklumat lanjut berkaitan banjir.

Sementara itu, laman web [publicinfobanjir.water.gov.my](https://publicinfobanjir.water.gov.my) melaporkan tiga sungai di Kuantan telah melebihi paras bahaya iaitu Sungai Lembing, Sungai Kuantan di Bukit Kenau dan Sungai Belat di Sri Damai.

Laman media sosial Facebook Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuantan pula melaporkan Jalan Kuala Lumpur-Kuantan berhampiran Simpang Sentoria di Gambang ditutup kepada kenderaan ringan akibat dinaiki air setakat tengah hari ini.

– BERNAMA